


NAMA: \_\_\_\_\_ KELAS: \_\_\_\_\_

## SAINS TAHUN 3

### UNIT 7: KETUMPATAN

Murid-murid diminta untuk menonton video ini sebelum menjalankan penyiasatan dan menjawab soalan di bawah.



#### MENGAJI KAEDAH MENJADIKAN AIR LEBIH TUMPAT

##### AKTIVITI

(Arahan: Semua murid dikehendaki menjalankan aktiviti ini di kawasan rumah masing-masing dan melengkapkan Jadual A di bawah.)

**TUJUAN:** Menyiasat kaedah untuk menjadikan air lebih tumpat

**ALAT DAN BAHAN:** Gelas, 200ml air, telur, gula, sudu

#### **LANGKAH-LANGKAH:**

1. Masukkan 200 ml air ke dalam gelas pertama dan gelas kedua.



gelas berisi air

2. Masukkan telur ke dalam gelas pertama.



3. Larutkan gula ke dalam gelas kedua dan masukkan telur ke dalam air gula tersebut.



4. Catatkan pemerhatian kamu di dalam jadual di bawah.

| Gelas                | Pemerhatian |
|----------------------|-------------|
| 1 (Air Biasa)        |             |
| 2 (Air Larutan Gula) |             |

Jadual A

A. Selepas melakukan aktiviti, sila jawab soalan di bawah ini.

a) Apakah bahan lain yang boleh menggantikan gula?

b) Mengapakah telur boleh timbul setelah gula ditambahkan ke dalam air?

c) Apakah kesimpulan yang boleh dibuat bagi eksperimen ini?

B. Padankan maklumat berikut dengan betul.

| Pemerhatian                         |
|-------------------------------------|
| Telur terapung di atas air gula.    |
| Telur tenggelam di dalam air biasa. |

| Inferens                               |
|----------------------------------------|
| Telur lebih tumpat daripada air biasa. |
| Air gula lebih tumpat daripada telur.  |

## MENGAJAI KETUMPATAN CECAIR

### AKTIVITI

(Arahan: Semua murid dikehendaki menjalankan aktiviti ini di kawasan rumah masing-masing dan melengkapkan Jadual B di bawah.)

**TUJUAN:** Menyasat perbezaan ketumpatan cecair

**ALAT DAN BAHAN:** Gelas, 200ml air, pewarna makanan, madu, minyak masak

### LANGKAH-LANGKAH:

1. Masukkan air ke dalam gelas.



2. Masukkan pewarna makanan ke dalam gelas berisi air.



3. Masukkan madu ke dalam gelas dan perhatikan perubahannya.
4. Masukkan minyak masak ke dalam gelas dan perhatikan perubahannya.
5. Catatkan pemerhatian kamu itu dalam jadual di bawah.

| Bahan        | Pemerhatian |
|--------------|-------------|
| Air berwarna |             |
| Madu         |             |
| Minyak masak |             |

Jadual B

- C. Selepas melakukan aktiviti, sila jawab soalan di bawah ini.

a) Susun bahan tersebut mengikut bahan yang lebih tumpat kepada bahan yang kurang tumpat.

b) Apakah kesimpulan eksperimen ini?

### APLIKASI KETUMPATAN DALAM KEHIDUPAN

- D. Jawab semua soalan di bawah.

a) Bagaimanakah jaket keselamatan perenang boleh menyelamatkan nyawa?

c) Apakah contoh lain aplikasi ketumpatan dalam kehidupan harian kita?